

BENGKEL BIJAK CUKAI- TMU@UMT SIRI 1 & SIRI 2-PROJEK KTAGS 2025



Oleh Dr. Rohila @ Norhamizah Awang

Pelaksanaan Bengkel TMU@UMT

Pada **25 Oktober 2025** dan **22 November 2025** – Bengkel Bijak Cukai yang dijenamakan semula sebagai Bengkel Transformasi Minda Usahawan (TMU@UMT) Siri 1 dan siri 2 telah berjaya dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif strategik oleh pasukan penyelidik Fakulti Periagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) dengan sokongan dari dana KTAGS, PPIJIM - Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Bengkel ini telah berlangsung di **Bilik Interaktif 2-04 (BI 2-04), Kompleks Kuliah, UMT** yang melibatkan enam orang penyelidik daripada FPEPS dan PPAL, seorang pensyarah jemputan dari UiTM Cawangan Dungun serta seorang pengamal percukaian jemputan daripada Azla Management, Kuala Terengganu.



Peserta dan Peningkatan Kesedaran

Peserta-peserta yang mengikuti program ini adalah daripada pengusaha perniagaan pemilikan tunggal dan syarikat di bawah SME Corporation atau bernaung di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu.

Peningkatan signifikan dalam kehadiran peserta bengkel TMU@UMT Siri 2, menunjukkan kesedaran tentang kepentingan terhadap kepatuhan cukai, pengurusan dokumen, serta peralihan ke sistem baru percukaian digital, e-invois dalam perniagaan.



Pengisian Program: Pembinaan Minda



Pemikiran Positif

Slot yang memberi penekanan terhadap pembinaan pemikiran positif, daya tahan perniagaan, dan keupayaan peserta menyesuaikan diri dalam situasi pasaran yang mencabar.



Pemikiran Strategik

Objektif sesi ini adalah pembentukan asas pemikiran strategik perniagaan.



Perkongsian Dr Shaari dalam slot permulaan bengkel yang mencetus minda usahawan yang dinamik dan progresif

Asas Cukai Perniagaan

Selain daripada itu, pengisian bengkel juga adalah slot pengenalan kepada asas cukai perniagaan yang merangkumi:

1

Keperluan Pematuhan Cukai

Memahami tanggungjawab dan keperluan pematuhan cukai untuk perniagaan

2

Penyediaan Rekod yang Betul

Teknik dan kepentingan menguruskan rekod perniagaan dengan sistematik

3

Tanggungjawab Pemilik

Tanggungjawab pemilik tunggal dan syarikat dalam pengurusan cukai

4

Risiko Penalti

Risiko penalti akibat rekod yang tidak lengkap dan tidak mematuhi undang-undang

Ramai peserta memberikan maklum balas bahawa pendedahan ini telah membuka perspektif baharu berkenaan kepentingan menguruskan rekod perniagaan dengan baik.

Pemindahan Ilmu Percukaian

Slot TMU@UMT juga menekankan kepada pemindahan ilmu percukaian iaitu teknik mengurangkan perbelanjaan cukai secara berhemah termasuk:

- Potongan cukai yang dibenarkan
- Pengecualian untuk SME
- Strategi asas percukaian yang sah

Sesi ini turut memperkenalkan **latihan simulasi pengiraan asas percukaian**.



Kemuncak slot adalah sesi bersama prof Madya Dr Roshaliza iaitu simulasi cukai perniagaan yang mendapat reaksi positif daripada semua peserta.



Dr Rohila sedang menerangkan tentang Teknik pengurangan cukai perniagaan kepada peserta bengkel TMU@UMT siri 2


Maklum Balas dan Keberkesanan Program

Di akhir program, peserta-peserta memberi maklum balas akan keberkesanan program yang selari dengan objektif program iaitu **pematuhan cukai sebagai tanggungjawab sosial, bukan bebanan.**




Penerimaan E-Invois

Penerimaan terhadap pelaksanaan e-invois sangat tinggi dikalangan peserta walaupun belum menguasai fungsi teknikal, mekanisme dan garis panduan pelaksanaan keseluruhannya.



Keyakinan Peserta

Peserta yakin bahawa e-invois boleh meningkatkan kecekapan operasi perniagaan dan memudahkan proses pemfailan cukai.



Pengurusan Rekod

Mereka yakin boleh mengurus rekod percukaian perniagaan dengan lebih baik dan sistematik serta patuh kepada undang-undang selepas menghadiri bengkel ini.



Dr Rohila menyampaikan saguhati kepada penceramah e Invoice, Puan Nur Azla di akhir program

Penglibatan Aktif Peserta

Sepanjang bengkel, peserta menunjukkan penglibatan aktif melalui:

- **Perbincangan**
- **Soal jawab**
- **Aktiviti latihan**

Peserta juga diminta menghantar soal selidik keberkesanan bengkel yang telah diisi sebelum bengkel bermula.


Kemahiran peserta tentang pengiraan cukai individu dan syarikat, penyediaan e-invois mengikut piawaian LHDN dan pengurusan rekod dapat ditingkatkan. Soal selidik juga dijalankan bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan tentang kewangan dan dokumentasi cukai, sikap, kemahiran dan aspirasi peserta.

📄 **Usahawan memerlukan program bimbingan bersiri seperti TMU@UMT supaya dapat membina kompetensi berperingkat.**



Sokongan dan Kerjasama Strategik

Program TMU@UMT siri 1 dan siri 2 tidak dapat direalisasikan tanpa sokongan padu dan dana KTAGS sebagai pembiaya utama, PPIJIM sebagai penyelaras jaringan komuniti dan fasilitator program, dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai institusi pelaksana dan pusat perkembangan pengetahuan.



Bengkel TMU@UMT 2025 ini berada di landasan tepat dalam memperkasakan usahawan mikro di Terengganu dan Malaysia amnya.

Impak Berpanjangan

Peranan penting universiti adalah bersama-sama membina ekosistem komuniti yang lebih celik kewangan dan mematuhi undang-undang dengan memindahkan ilmu kepada komuniti setempat melalui program seperti ini.

Dengan peningkatan sikap, aspirasi dan motivasi peserta-peserta bengkel TMU@UMT, UMT yakin usaha ini mampu memberi **impak berpanjangan kepada ekosistem keusahawanan tempatan.**